



31 Oktober 2013  
31 October 2013  
P.U. (A) 328

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH DUTI KASTAM (BARANG-BARANG DI BAWAH  
PERJANJIAN PERDAGANGAN KEUTAMAAN DI KALANGAN  
NEGARA-NEGARA ANGGOTA D-8) 2013

*CUSTOMS DUTIES (GOODS UNDER THE PREFERENTIAL  
TRADE AGREEMENT AMONG D-8 MEMBER STATES)  
ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (BARANG-BARANG DI BAWAH PERJANJIAN PERDAGANGAN KEUTAMAAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA D-8) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Perdagangan Keutamaan di kalangan Negara-Negara Anggota D-8) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2013.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“Anggota Pejanji” ertinya Negara-Negara Anggota D-8;

“D-8 PTA” ertinya Perjanjian Perdagangan Keutamaan di kalangan Negara-Negara Anggota D-8;

“Negara-Negara Anggota D-8” ertinya negara Bangladesh, Indonesia, Iran, Malaysia, Mesir, Nigeria, Pakistan dan Turki.

**Duti import**

3. (1) Tertakluk kepada peruntukan Jadual Pertama, duti import hendaklah dilevi ke atas, dan dibayar oleh pengimport, berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, yang berasal dari Bangladesh, Indonesia, Iran, Mesir, Nigeria, Pakistan dan Turki, mengikut kadar duti import yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Kedua, yang diimport ke dalam Malaysia.

(2) Jika kadar duti import dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Kedua berkenaan dengan jenis barang-barang tertentu, maka kadar itu hendaklah dilevi ke atas dan hendaklah dibayar oleh pengimport sebagai ganti duti import penuh yang sepadan yang dikenakan di bawah Perintah Duti Kastam 2012 [*P.U. (A) 275/2012*], hanya berkenaan dengan barang-barang dari jenis yang dibuktikan hingga memuaskan hati Ketua Pengarah sebagai telah berasal dari Bangladesh, Indonesia, Iran, Mesir, Nigeria, Pakistan dan Turki.

(3) Dalam hal barang-barang yang boleh dikenakan duti import di bawah Perintah Duti Kastam 2012 yang diimport yang ada pada atau dengan mana-mana orang yang memasuki Malaysia atau dalam bagasi orang itu dan yang dimaksudkan untuk kegunaan bukan komersial (kecuali kenderaan bermotor, minuman beralkohol, spirit, tembakau dan rokok) hanya duti kastam pada kadar sama rata 30% *ad valorem* hendaklah dilevi ke atas dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan barang-barang itu.

(4) Berhubung dengan barang-barang yang tidak dinyatakan dalam Jadual Kedua, duti import hendaklah dilevi ke atas barang-barang itu mengikut kadar penuh yang dinyatakan dalam Perintah Duti Kastam 2012.

#### **Tafsiran kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua**

4. Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, kadar yang dilevi di bawah subperenggan 3(1) hendaklah mengikut kiraan peratusan nilai barang-barang.

#### **Penjenisan barang-barang**

5. Penjenisan barang-barang dalam Jadual Kedua hendaklah mematuhi Rukun tafsiran Jadual dalam Perintah Duti Kastam 2012.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS DUTIES (GOODS UNDER THE PREFERENTIAL TRADE AGREEMENT AMONG  
D-8 MEMBER STATES) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Customs Duties (Goods under the Preferential Trade Agreement among D-8 Member States) Order 2013**.

(2) This Order comes into operation on 1 November 2013.

**Interpretation**

2. In this Order—

“Contracting Member” means the D-8 Member States;

“D-8 PTA” means the Preferential Trade Agreement among D-8 Member States;

“D-8 Member States” means the countries of Bangladesh, Indonesia, Iran, Malaysia, Egypt, Nigeria, Pakistan and Turkey.

**Import duty**

3. (1) Subject to the provisions of the First Schedule, an import duty shall be levied on, and paid by the importer, in respect of goods specified in the Second Schedule, originating from Bangladesh, Indonesia, Iran, Egypt, Nigeria, Pakistan and Turkey, at the rate of the import duty specified in column (4) of the Second Schedule, imported into Malaysia.

(2) Where an import duty rate is specified in column (4) of the Second Schedule in respect of particular class of goods, such rate shall be levied on and shall be paid by the importer in lieu of the corresponding full import duty imposed under the

Customs Duties Order 2012 [*P.U. (A) 275/2012*], only in respect of goods of the class which are shown to the satisfaction of the Director General to have originated from Bangladesh, Indonesia, Iran, Egypt, Nigeria, Pakistan and Turkey.

(3) In the case of those goods liable to an import duty under the Customs Duties Order 2012 imported on or with any person entering Malaysia or in the baggage of such person and is intended for non-commercial use (except motor vehicles, alcoholic beverages, spirits, tobacco and cigarettes) only a customs duty at a flat rate of 30% *ad valorem* shall be levied on and paid by the importer in respect of such goods.

(4) In relation to goods not specified in the Second Schedule, an import duty shall be levied on such goods at the full rates specified in the Customs Duties Order 2012.

#### **Interpretation of rates shown in the Second Schedule**

4. Unless otherwise specified, the rates levied under subparagraph 3(1) shall be expressed as the percentage of the value of goods.

#### **Classification of goods**

5. The classification of goods in the Second Schedule shall comply with the Rules for the interpretation of the Schedules in the Customs Duties Order 2012.